

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 MEI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 31

Teraju, YP, Ekuinas dijajar semula



Rafizi bergambar bersama wakil-wakil bank yang turut menjadi rakan strategik pada Majlis Menskalakan Penciptaan Nilai Bumiputera pada Isnin.

Teraju, YP, Ekuinas dijajar semula

Bagi melonjakkan penyertaan ekonomi golongan itu secara strategik dan mampan

Oleh **DIANA AZIS**
SEPAANG

Tiga agensi bermandat Bumiputera di bawah kawal seliaan Kementerian Ekonomi dijajarkan semula bagi memperkasa dan melonjakkan penyertaan ekonomi golongan itu secara strategik, mampan dan berkesan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, penjajaran itu akan dilaksanakan menerusi kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi memberi keutamaan kepada inklusiviti, keberkesanan dan kelestarian. Beliau menjelaskan, penstruktur-

an semula strategi dan pelaksanaan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Yayasan Peneraju (YP) dan Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) itu dilakukan setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan melalui sesi libat urus yang dijalankan awal tahun ini.

"Inisiatif ini juga dilakukan susulan Rancangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) yang telah menggariskan strategi untuk memperkukuh peranan agensi mandat Bumiputera dalam penyampaian agenda golongan berkenaan," katanya ketika berucap pada Majlis Menskalakan Penciptaan Nilai Bumiputera di Cyberjaya, pada Isnin.

Dalam pada itu Rafizi menjelaskan, penjajaran semula tiga agensi berkenaan akan berperanan khusus dalam ekosistem keusahawanan Bumiputera.

Menurutnya, YP akan memberi fokus kepada pembangunan bakat untuk meningkatkan kelas pencipta

nilai Bumiputera manakala Teraju bertindak sebagai *super-scaler* bagi memperluas skala syarikat kepada tahap lebih tinggi dan kompetitif di peringkat global.

Sementara itu, Ekuinas akan memacu penciptaan kekayaan dan penglibatan ekonomi Bumiputera melalui pemilikan ekuiti korporat.

"Menjelang 2030, hasil daripada penjajaran semula melibatkan tiga agensi itu telah diberikan sasaran yang perlu dicapai.

"YP perlu menyediakan 10,000 bakat Bumiputera yang bersedia untuk bersaing dan menjadi pemain industri.

"Teraju disasarkan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan berjumlah RM1 bilion menerusi kerjasama dengan sektor swasta, membangun dan meningkatkan keupayaan 1,000 syarikat.

"Ekuinas menyokong lebih banyak syarikat usahawan Bumiputera yang mempunyai rekod prestasi keuntungan cemerlang," ujarnya.